

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

PAUTAN : <https://www.sinarharian.com.my/article/280166/berita/nasional/pembangunan-sistem-padu-kini-capai-60-peratus---rafizi>

### Pembangunan sistem Padu kini capai 60 peratus – Rafizi



Rafizi (tengah) pada sidang akhbar selepas menghadiri sesi libat urus pembangunan Padu bersama ketua setiausaha dan ketua pengarah Kementerian dan agensi yang menjadi rakan strategik di Putrajaya pada Khamis.

PUTRAJAYA - Proses pembangunan sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang dijadual untuk digunakan bermula Januari 2024 bagi memastikan penyaluran subsidi dibuat secara adil kepada rakyat kini telah mencapai 60 peratus.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, walaupun proses melengkapkan sistem itu dalam masa yang singkat agak mencabar namun pihaknya akan berusaha memastikan ia dapat disiapkan.

"Selepas kerajaan memutuskan menubuhkan Padu pada Mei lalu, kita mula bangunkan sistem ini pada Jun.

"Jadi dalam tempoh lebih kurang dua bulan sahaja (kita capai tahap) 60 peratus sekarang. Saya boleh cakap (ia sebenarnya) mencabar untuk ia mula diguna Januari depan. Namun dalam tempoh tiga bulan ke depan kita akan pastikan ia dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri sesi libat urus pembangunan Padu bersama ketua setiausaha dan ketua pengarah kementerian dan agensi yang menjadi rakan strategik pembangunan sistem itu, di sini pada Khamis.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju menubuhkan Padu untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah bagi memperkemas pelaksanaan subsidi bersasar di negara ini.

Mengulas lanjut, Rafizi menjelaskan, dalam membangunkan sistem berkenaan, pihaknya menetapkan jadual dan garis masa yang jelas iaitu ujian pertama Padu akan dilakukan pada November ini sebelum ia dibuka kepada kepada orang ramai.

"Setakat ini segalanya berjalan seperti garis masa walaupun cabaran untuk menggabungkan data dan maklumat 33 juta rakyat Malaysia adalah tempoh yang pendek adalah sesuatu yang sangat mencabar.